

**Perbedaan skim pencen
sektor awam, swasta**

DI MALAYSIA ada dua skim persaraan nasional untuk pekerja. Skim Pencen Perkhidmatan Awam atau SPPK menyediakan manfaat dalam bentuk pencen bagi pekerja sektor awam.

Pekerja sektor swasta pula wajib menabung sebahagian pendapatan bulanan mereka dengan KWSP untuk persaraan.

Kedua-dua skim ini menyediakan manfaat untuk persaraan pekerja tetapi fal-safah dan ciri-cirinya berbeza. SPPK adalah skim 'defined benefit' atau manfaat ditentukan.

Skim KWSP pula ialah skim 'defined contribution' atau caruman ditentukan. Manfaat yang diterima di bawah SPPK adalah dalam bentuk pencen iaitu bayaran bulanan yang dikira mengikut formula tertentu.

Pencen akan dibayar kepada pesara sektor awam sepanjang hayatnya.

Pencen penuh yang diterima seseorang pesara ialah 50 peratus daripada gaji terakhirnya. Ini bermakna jika

gaji terakhir seseorang pesara itu RM1,000, ia akan menerima pencen RM500 sebulan sepanjang hayatnya.

Bagaimanapun, jumlah ini akan dikurangkan sedikit selepas tempoh tertentu.

Bagaimana dengan KWSP? Pada masa ini pekerja diwajibkan mencarum 23 peratus gaji mereka kepada KWSP sebagai tabungan untuk persaraan. Yang ditentukan ialah kadar caruman bukan manfaat yang akan diterima pesara nanti.

Manfaat di bawah skim ini adalah dalam bentuk simpanan. Berapa banyak simpanan yang dikumpul bergantung kepada sama ada caruman bulanan dibayar oleh majikan atau tidak.

Selain itu, ia juga bergantung kepada dividen yang dibayar KWSP ke atas simpanan yang dilaburkan KWSP.

Simpanan yang dikumpulkan pekerja sebahagian besarnya hanya boleh diambil selepas pencaharum berusia 55 tahun.

Bagaimana dengan manfaat kedua-dua skim ini dibiayai? Pada masa ini SPPK dibiayai melalui hasil kerajaan iaitu

dianggap pembiayaan penuh oleh majikan.

Dalam hal ini kerajaan akan membuat perubahan kepada cara pembiayaan ini bagi pekerja sektor awam yang baru. Mereka akan diwajibkan membayar caruman 11 peratus daripada gaji mereka kepada skim ini.

Ini bermakna SPPK akan dibiayai sebahagiannya caruman pekerja untuk mengurangkan liabiliti kerajaan.

KWSP dibiayai melalui caruman pekerja dan majikan. Ia adalah simpanan pekerja berkenaan.

Pada masa ini, pekerja membayar 11 peratus daripada gaji mereka dan majikan 12 peratus. Jumlah ini akan bertambah melalui bayaran pulangan pelaburan dalam bentuk dividen ke atas simpanan itu.

Memandangkan SPPK adalah skim manfaat ditentukan iaitu skim pencen, maka tiada kemudahan mengeluarkan simpanan sebelum tiba masanya seperti skim KWSP.

KWSP membenarkan tidak melebihi 30 peratus daripada simpanan dikeluarkan untuk pembelian rumah, pendidikan, pembiayaan rawatan pe-

nyakit kritikal dan pada umur 50 tahun.

Selepas kita melihat perbezaan ciri-ciri utama kedua-dua skim persaraan ini, kita boleh menilai kebaikan dan kelemahan kedua-dua skim ini.

Matlamat skim persaraan untuk membasmi kemiskinan di hari tua. Jika pesara tiada wang untuk membiayai kehidupan pada masa itu, mereka akan memerlukan bantuan daripada anak, saudara-mara, badan kebajikan dan akhirnya kerajaan.

Keadaan terlalu bergantung kepada pihak ketiga ini seboleh-bolehnya perlu dielakkan.

Berbalik kepada kedua-dua skim persaraan nasional kita, jelaslah SPPK mempunyai lebih banyak ciri-ciri skim persaraan yang baik.

Pertama sekali ia menyediakan bayaran manfaat iaitu pencen secara bulanan sepanjang hayat pesara. Oleh itu tidak timbul persoalan pencen dihabiskan dalam tempoh singkat.

Sama ada jumlah pencen itu mencukupi atau tidak ia persoalan kedua.

Apabila kerajaan menaik-

kan gaji anggota perkhidmatan awam, jumlah pencen juga akan dinaikkan walaupun kenaikannya mungkin tidak banyak.

Ini penting kerana harga barang pada masa itu telah meningkat berbanding sebelumnya.

Jadi dengan kenaikan itu pesara mampu sedikit sebanyak membeli barang yang diperlukan walaupun harganya telah naik sedikit.

Bagaimanapun, jika kadar inflasi atau kenaikan harga barang terlalu tinggi, kenaikan jumlah pencen tidak dapat menampung kenaikan ini.

Berbeza dengan SPPK, simpanan KWSP lazimnya dikeluarkan sekali gus. Siasatan KWSP menunjukkan kebanyakan ahli menghabiskan simpanan dalam masa yang singkat.

Maklumlah, jika wang ada dalam tangan, ada sahaja gunanya. Kehendak manusia tidak terbatas. Hanya mereka yang berdisiplin dapat menguruskan simpanan itu dengan baik. Selain itu, simpanan juga boleh habis jika tersilap labur.

Pesara akan menghadapi masalah kewangan, jika simpanan habis terlalu awal. Lebih-lebih lagi, jika pesara itu panjang hayatnya hingga menjangkau 80 atau 90 tahun.

Di bawah SPPK, anggota perkhidmatan awam tidak perlu membayar caruman untuk mendapat pencen. Majikan mereka, iaitu kerajaan membayar pencen mereka.

Ini lebih baik daripada KWSP kerana ahli KWSP perlu membayar caruman sebanyak 11 peratus daripada gaji mereka untuk KWSP.

Namun, majikan juga menambah caruman sebanyak 12 peratus.

Baik bagi pekerja tidak bermakna baik bagi negara. Tanggungan kerajaan untuk membayar pencen akan terus meningkat berganda apabila bilangan pesara semakin ramai dan jangka hayat mereka semakin tinggi.

Skim begini tidak wujud di negara lain. Kebanyakan skim pencen dibiayai dengan caruman.

Pencen bukan hak mutlak pesara perkhidmatan awam. Kerajaan boleh tidak mem-

bayar pencen atau menarik balik bayaran pencen kepada pesara kerana sebab tertentu seperti dikenakan tindakan tatatertib dan sebagainya.

Bagaimanapun, ini jarang berlaku. Pekerja sektor awam yang berhenti kerja sebelum ia layak diserapkan di bawah SPPK juga tidak layak mendapat pencen. Bagaimanapun, simpanan KWSP mereka termasuk caruman kerajaan adalah miliknya sendiri.

Ahli KWSP mempunyai hak mutlak ke atas simpanan KWSP mereka. Ini bermakna walaupun mereka dikenakan tindakan tata tertib atau menjalani hukuman kerana kesalahan jenayah paling besar sekalipun, simpanan KWSP mereka tetap kepunyaan mereka.

Tiada siapa boleh menyenutuhnya. Jika mereka berhenti bekerja dengan majikan untuk bekerja sendiri atau bertukar majikan, simpanan KWSP mereka masih miliknya.

Di bawah majikan baru, caruman seterusnya akan dimasukkan ke dalam akaun KWSP mereka. Ini bermakna skim KWSP itu adalah mudah alih.

Pekerja berpencen sektor awam boleh membuat anggaran mengenai jumlah pencen yang akan diterima berdasarkan formula ditetapkan.

Sebaliknya, ahli KWSP hanya boleh membuat anggaran yang tidak begitu tepat kerana banyak faktor perlu diambil kira untuk menentukan jumlah simpanan pada usia 55 tahun.

Jumlah ini bergantung kepada sama ada majikan akan terus membayar caruman KWSP.

Selain itu, pulangan pelaburan ke atas simpanannya juga bergantung kepada prestasi pelaburan KWSP. Selepas ia mengeluarkan semua simpanan pada umur 55 tahun, cara ia membelanjakan atau melaburkan simpanan itu akan menentukan sama ada simpanannya dapat dimanfaatkan dengan baik untuk persaraan.

Dalam perkataan lain, ia perlu mengurus sendiri pelbagai risiko yang bakal dihadapinya.

>Rusma Ibrahim ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan Organisasi) KWSP